

## **Pembugaran Semula Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budaya di Nusantara**

**Nor Hashimah Jalaluddin**

Mantan Profesor Linguistik  
Presiden Persatuan Linguistik Malaysia

### **ABSTRAK**

Teras pembangunan modal insan mesti berpaksikan kepada ilmu dan khususnya melibatkan bahasa, sastera dan budaya. Bahasa, sastera dan budaya menjadi tiang kepada keluhuran akal budi manusia penuturnya. Namun ketiga-tiga elemen ini mesti bersandarkan kepada penyelidikan bagi menyelidik ilmu yang tersurat dan tersirat. Bahasa Melayu merentas sempadan di Nusantara sangat terkenal dengan falsafah yang membentuk jiwa murni masyarakat Nusantara. Ini adalah kesan dari jiwa perantauan masyarakat Nusantara. Natijahnya, wujud persamaan yang menerbitkan rasa kesepunyaan cara pemikiran dalam kalangan masyarakat Nusantara ini. Data kajian akan berasaskan data linguistik sama ada dari dokumen dan juga data lapangan. Data daripada peribahasa Brunei, data dialek Mealyu Thai dan data rentas Nusantara akan dianalisis untuk membuktikan kesejajaran pemikiran masyarakat Nusantara ini. Dapatan awal menunjukkan wujud banyak persamaan rupa dan makna peribahasa Brunei dengan Melayu Semenanjung. Wujud juga bukti perantauan masyarakat Nusantara pada ketika dahulu telah menyebabkan tersebar pelbagai bahasa di Semenanjung Tanah Melayu ini. Adanya bahasa Jawa, Bugis, Banjar, Minang dan dialek Melayu Patani telah mencorakkan warna warni dialek dan bahasa di Malaysia. Maklumat dari penyelidikan terkini ini mampu menjelaskan kepada kita betapa luwesnya pergerakan masyarakat Nusantara tanpa sebarang prejudis dan buruk sangka sehingga menjadikan masyarakat Nusantara sebagai masyarakat yang harmoni dan terbuka. Pasti pembugaran bahasa dapat terus dilaksanakan dengan penyelidikan yang terkini sifatnya.

**Kata kunci:** Dialek, sosiobudaya, cerita rakyat, pembugaran, perantauan

### **PENGENALAN**

Bahasa, sastera dan budaya akan berdiri teguh selagi ada penggunaannya yang aktif. Penghasilan kosa kata dan istilah, karya-karya sastera yang baharu seiring dengan perkembangan semasa pasti akan mengukuhkan lagi sesebuah bahasa dan budaya itu. Dengan itu pemupukan, inovasi perlu dilakukan demi kelangsungan sesebuah bahasa. Ilmu sentiasa berkembang bagi memastikan pembugarannya. Dalam ilmu linguistik ada tiga kepadaan (*adequacy*) yang mesti dipatuhi bagi memastikan kajian itu berpada iaitu pencerapan (*observatory*), penghuraian (*descriptive*) dan penghuraian (*explanatory*). Selalunya kajian linguistik dilengkapi dengan teori yang mampan. Begitu juga dengan penyelidikan BM. Perlu ada teori yang baik bagi menjelaskan fenomena bahasa dengan meyakinkan. Dengan adanya teori mahupun pendekatan yang baharu, pastinya akan menghasilkan dapatan kajian yang lebih segar dan relevan dengan ilmu yang ada pada hari ini.

Dalam usaha pembugaran semula melalui penyelidikan, kita dapati telah ada teori yang boleh kita baiki dengan mengetengahkan apa yang telah kita temui dalam penyelidikan bahasa kita. Kita harus mencerap, mengutip data, merekod, menguji, membina hipotesis, diuji lagi dan akhirnya membentuk teori (Nor Hashimah 2015). Mungkin belum sampai ke peringkat mencipta teori baru tetapi mengubah pendekatan supaya lebih serasi dengan sifat bahasa kita adalah munasabah. Di sini pembinaan ilmu boleh dilakukan. Apakah tujuan pembugaran

dilakukan? Tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memastikan perekrutan ilmu terus berlaku supaya sentiasa segar. Perekrutan bermaksud menerapkan unsur-unsur ilmu, budaya, dan sebagainya dalam perancangan, mekanisme kerja, dan lain-lain sebagai asas melaksanakan sesuatu (Kamus Dewan Edisi 4: [www@prpm.dbp.gov.my](http://www.prpm.dbp.gov.my)). Dalam konteks penyelidikan bahasa unsur-unsur ini penting bagi melestarikan bahasa itu sendiri. Mengapa perlu kepada pelestarian? Ia adalah untuk memastikan bahasa terus hidup dan relevan.

Kertas ini akan memfokuskan kepada bagaimana penyelidikan boleh membantu membugarkan lagi pemahaman kita kepada falsafah yang tersurat dan tersirat baik dalam bahasa dan sosio-budaya yang dikaji. Ini secara tidak langsung akan mengukuhkan lagi budaya berfikir dan menghargai khazanah bahasa dan budaya kita. Kertas ini akan membincangkan bagaimana penyelidikan yang dilakukan merentas nusantara, iaitu meliputi kajian peribahasa, dialek dan sosio-budaya masyarakat Nusantara. Dari kajian awal didapati memang wujud kesejajaran pemikiran dan falsafah masyarakat Nusantara ini. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa kita masyarakat Nusantara memang tidak terpisah malah erat hubungan persaudaraan meskipun hari ini kita dibataskan oleh sempadan wilayah dan negeri.

## **LATAR BELAKANG MASYARAKAT NUSANTARA**

Masyarakat Nusantara secara definisi mudahnya adalah penduduk yang berada di Indonesia dan Semenanjung Tanah Melayu. Seluruh kepulauan itu dipanggil 'The Malay Archipelgo' atau Nusantara. Masyarakat Nusantara terkenal dengan sifat lemah lembut, bertoleransi dan saling menghormati antara satu sama lain. Sifat dan sentimen merantau ini telah terpahat dalam kesedaran penghuni alam kepulauan Melayu sejak bila muncul kelompok dan kesedaran identiti dari lubuk geografi dan sejarah rantau ini. Merantau mempunyai hubungan akrab dengan 'tanah air'- satu ruang peradaban, budaya, sosial, intelektual dan politik yang dipegang oleh penghuni kepulauan Melayu, juga disebut sebagai Nusantara. Merantau juga membawa suatu pengertian abstrak bersangkutan kitaran pergerakan di rantau ini. Semenanjung merupakan sebahagian dari entiti geo-budaya yang lebih luas (Ahmad Murad 2023). Idea atau pemikiran sebagai 'Melayu' tersebar ke segala pelusuk kepulauan Melayu. Ini dimungkinkan oleh amalan merantau. Perantauan yang telah menjalin satu rangkaian yang menyerlahkan lalu memantapkan merantau sebagai satu institusi sosial.

Konsep Nusantara dan aktiviti perantauan ini akhirnya dilenyapkan oleh penjajah British melalui penaklukan epistemologi. Ia tidak hanya tertakluk kepada aspek kewilayahan dan ruang fizikal, tetapi juga dalam konteks penaklukan minda yang tampaknya, sama pentingnya dengan penjajahan wilayah. Cohn (dalam Shamsul 2023) merincikan bagaimana penaklukan ruang epistemologi dikembangkan dan disistematisasikan ke dalam projek penjajahan British, serta bagaimana sistem tersebut kemudiannya dibongkar, disusun semula, diubah suai dan diganti hampir sepenuhnya dalam sistem pemikiran orang tempatan (Shamsul Amri 2023). Namun penyelidikan bahasa merentas Nusantara ini cuba mengenyapkan konsep penaklukan epistemologi dengan menghuraikan aspek bahasa dan budaya yang mempunyai kemiripan bersama.

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian berasaskan data. Data diambil sama ada dari buku atau data lapangan. Kajian yang bersifat kualitatif ini akan memanfaatkan data, kemudian dianalisis agar terserlah pembedakan pada data yang dipilih. Bagi contoh peribahasa, data diambil dari buku 'Perambahan Brunei' susunan Hadijah Haji Hassan. Buku ini telah tiga kali diulang cetak. Manakala data-data mengenai perantauan masyarakat Thai, Jawa, Bugis, Banjar diambil daripada dokumen, buku dan laman sesawang. Begitu juga dengan perbandingan budaya Kelantan dan

Yogyakarta telah memanfaatkan maklumat dari laman sesawang yang autentik dan boleh dipertanggungjawabkan.

Seterusnya bagi kajian mengenai penyebaran dialek dan kesan dari aktiviti perantauan, maka data lapangan diguna pakai. Data yang dikutip dari lapangan, dianalisis dan diterjemah dalam bentuk peta berserta huraian saintifiknya. Dengan cara ini kita dapat saksikan bagaimana penyelidikan yang teliti mampu membugarkan lagi bahasa, sastera dan budaya di Alam Melayu.

## PERIBAHASA BRUNEI DAN MELAYU

Setiap penutur Nusantara pastinya akan ada khazanah bahasa kiasan atau metafora bagi melambangkan ketinggian akal budi mereka. Dari penyelidikan ke atas buku 'Perambahan Brunei', beberapa dapatan menarik telah dihasilkan. Pertamanya, terdapat persamaan ketara di antara peribahasa Melayu dengan perambahan (bahasa kiasan) Brunei. Meskipun penggunaan leksikal berbeza tetapi makna yang hendak disampaikan tetap sama. Jadual 1 di bawah jelas menunjukkan persamaan itu.

Sebagaimana dinyatakan tentang fenomena perantauan di atas, maka tidak mustahillah jika kita menemui persamaan ketara di antara perambahan Brunei dengan peribahasa Melayu. Ternyata domain kekeluargaan dan nasihat menjadi keutamaaan. Elemen memelihara dan menjaga hubungan sesama insan terlihat seperti, 'air dicincang tidak akan putus, carik-carik bulu ayam lama-lama bercantum jua, bagai menatang minyak yang penuh'. Terdapat juga peribahasa nasihat seperti 'Biar pecah di perut jangan pecah di mulut, air juga ada pasang surutnya. Ada jua mengenengahkan contoh pekerti yang tidak baik seperti, 'berbuih-buih mulut (nasihat yang tidak diikuti), mencurahkan air di daun keladi dan mulut tempayan'. Kesemuanya ini bertujuan memberi garis panduan bertingkah laku dalam masyarakat.

Daripada data yang diteliti dan banyaknya persamaan di antara peribahasa ini merentas wilayah, pastinya ia merupakan refleksi daripada aktiviti perantauan orang-orang Melayu Nusantara. Makna peribahasa yang sama menunjukkan peri kebersamaan cara pemikiran masyarakat Nusantara ini.

**Jadual 1** Persamaan Perambahan Brunei dan Malaysia

No.	Perambahan Brunei	Peribahasa Melayu
1	Aing ditatak indakan putus	Air dicincang tidak akan putus
2	Aing inda sajakan pasang, ada jua masanya surut	Air juga ada pasang surutnya
3	Berbuyah buyah mulut	Berbuih-buih mulut
4	Biar dandan te(r)burai jangan pariuk pacah	Biar pecah di perut jangan pecah di mulut
5	Buntak fikiran	Panjang akal
6	Carik-carik patungut	Carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum jua
7	Inda mengalih-galih	Mencurahkan air di daun keladi
8	Indakan titik indakan tumpah	Bagai menatang minyak yang penuh
9	Macam balatak bubus	Mulut tempayan

Selain daripada meneliti kebersamaan makna, ada satu lagi ruang yang menarik untuk diteroka. Apakah apemilihan objek dalam peribahasa dapat menggambarkan cara hidup dan pemikiran masyarakat setempat? Jawapannya ia, jika dilihat daripada sudut ekolinguistik. Nor Hashimah (2023) membuktikan bahawa alam dan budaya sangat mempengaruhi cara pemikiran masyarakat. Ini boleh dilihat dari segi pemilihan objek yang digunakan dalam peribahasa Brunei. Kebanyakan objek berkaitan pancaindera, sama seperti dalam Bahasa Melayu. Yang berbeza sedikit adalah objek domestik seperti binatang dan tumbuh-tumbuhan. Kita temui hanya binatang peliharaan yang jinak banyak digunakan. Kita tidak jumpa haiwan ganas seperti singa, harimau, buaya dan beruang. Burung hantu, helang atau gagak juga tidak ditemui. Manakala tanam-tanaman yang dijadikan objek terhd kepada padi, cili, pinang, rebung.

Objek yang dipilih boleh dikaitkan dengan ekologi negara Brunei. Negara yang kecil tetapi kaya dengan sumber minyak tidak menuntut banyak aktiviti pertanian. Tiada gunung, banjaran, ombak ganas yang ditemui dalam perambahan ini. Maksudnya hidup mereka tenang dan sangat sederhana, tidak diancam oleh bencana alam, maka dengan sebab itu objek pilihan menjurus kepada objek yang jinak dan tidak memudaratkan. Malah banyak hal ehwal agama yang ditekankan terutama tentang solat. Ini sesuai dengan gaya hidup Islamik masyarakat Brunei. Jadual 2 di bawah menunjukkan contoh-contoh objek pilihan dalam perambahan Brunei.

Tuntasnya, dengan melihat kembali melalui penyelidikan, kita temui asas dan cara pemikiran masyarakat setempat. Jika selama ini, peribahasa terhd kepada melihat makna tetapi dengan menyingkap objek dan ekologi, kita dapat merumuskan gaya hidup masyarakat setempat.

**Jadual 2** Objek dalam Peribahasa

<b>Indera</b>	<b>Peribahasa</b>	<b>Objek</b>
	Basah pun inda bibir – tidak mencukupi (minuman)	Bibir
	Barat mulut - pendiam	Mulut
	Barat punggung –lambat bergerak	Punggung
	Berabis ati – bersungguh-sungguh	Hati
	Di mata-mata – terbayang-bayang	Mata
	Lidah api – keras dan kasar	Lidah
	Buruk siku tambal balang – sudah diberi meinta balik	Siku
	Macam idung bangkatan – berhidung besar	Hidung
<b>Objek domestik</b>	<b>Peribahasa</b>	<b>Objek</b>
	Turun-turun ayam – pergi tanpa persediaan	Ayam
	Anak itik – anak asuh	Itik
	Dang si mondok - tikus	Tikus
	Macam anak bilis –tidak senonoh	Ikan bilis
	Macam itik sudu-sudu – suka menghadirkandiri walau tidak diundang	Itik
	Macam langau mengarumuni bangkai – suka berkumpul di tempat maksiat	Langau
	Lada padi -berbadan kecil tetapi berani	Lada

	Macam lintah kepanasan – berbaring gelisah	Lintah
	Macam ucing keguguran anak – tergesa-gesa	Kucing
	Macam ular berlingkar - malas	Ular

## PENGARUH DIALEK MELAYU THAI DI MALAYSIA


### Kedah- Langkawi

Satu lagi aspek penyelidikan yang menarik adalah dialek. Kajian dialek pada akhir tahun 90an agak perlahan kerana seolah-olah telah tiada apa yang harus dikaji lagi. Yang ada hanya kajian kecil-kecilan yang kurang memberi impak. Malah kajian dialek telah beralih kepada kajian fonologi dengan menjadikan data dialek yang sedia demi megesahkan teori fonologi. Ini jelas dalam buku tulisan Zaharani Ahmad (2007, 2013). Buku fonologi beliau ada menggunakan data dialek untuk menguji teori fonologi. Terkini Sharifah Raihan dan pelajarnya (2017, 2019) menulis menggunakan data dialek Negeri Sembilan dan dialek Kedah untuk menguji keampuhan teori optimaliti dalam fonologi.

Kemajuan teknologi telah membawa cahaya baharu pada kajian dialek. Nor Hashimah bersama pasukan UKM telah mula mengorak langkah melakukan kajian dialek Melayu dan diaplikasikan dengan Sistem Maklumat Geografi atau GIS (*Geography Information System*). Kajian GIS adalah penyelidikan terkini dengan mengemblengkan tekonologi semasa. Dengan penyelidikan seumpama ini, maka kajian dialek dapat diberi nafas yang baharu. Kajian telah melibatkan seluruh negara dengan dimulakan dengan dialek Perak, Kedah-Langkawi, Perlis, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Terengganu, Selangor dan Kelantan. Nor Hashimah et.al (2020) telah menghasilkan dapatan kajian penyelidikan melalui buku 'Dialektologi dan GIS' yang menghimpunkan metodologi, analisis set janaan peta isoglos yang baharu bagi negeri Perak dan Langkawi.

Penyebaran dialek Melayu Thai yang meliputi dialek Satun dan dialek Patani pernah dibicarakan sebelum ini oleh Asmah Hj. Omar (1993) dan Ruslan Uthai (2011). Asmah telah menghasilkan isogloss yang menunjukkan isoglos dialek Kedah. Beliau turut membincangkan mengenai ciri-ciri dialek Kedah, Patani dan Satun. Sementara Ruslan (2011) menyenaraikan ciri-ciri istimewa dialek Patani yang ternyata berbeza dengan dialek Kelantan. Ada empat perbezaan di antara dialek Melayu Thai berbanding dialek Melayu Kedah iaitu ciri kepanjangan, satu suku kata, penyengauan dan nada. Inilah ciri pembeza di antara dialek Melayu Kedah dan dialek Melayu Thai.

Kajian yang menyeluruh mengenai kedua-dua dialek ini dilihat semula dengan pengamatan teknologi. Kajian di Langkawi khususnya telah menghasilkan isoglos baharu tentang penyebaran dialek Melayu Kedah dan Thai di Langkawi. Hasilnya terlahirlah isoglos baharu yang mencatatkan kedominasian dialek Melayu Kedah, dialek Satun dan dialek Patani seperti terakam dalam peta 1 di bawah:



Peta 1. Taburan dialek di Langkawi.

Kajian yang melibatkan 200 orang responden dengan bantuan GIS telah berjaya menghasilkan isoglos yang jelas berasaskan ciri fonologi. Huraian tentang kemasukan masyarakat Satun dan Patani ke Langkawi telah diterangkan dalam Nor Hashimah et.al (2017, 2019, 2020). Jika sebelum ini hanya lakaran isoglos manual yang dilakukan tetapi dengan adanya penyelidikan yang baharu, satu garis isoglos yang lebih tepat dan jelas telah berjaya dihasilkan.

Satu yang menarik dengan geolinguistik, selain daripada menggunakan teknologi, faktor bukan linguistik turut dihuraikan bersama. Ini membuatkan kajian Geolinguistik ini lengkap dan informatif. Worawit Baru (1999) menyatakan pada akhir abad ke-13, serangan yang pertama oleh Thai ke atas Kedah telah berlaku. Maka bermulalah sejarah kedatangan orang Thai ke negeri Kedah yang menetap di kawasan yang berhampiran dengan sempadan Kedah-Thailand dan mereka telah bermastautin di kawasan luar bandar. Maka tidak hairanlah jika masyarakat Thai ini ditemui di Padang Terap, Kubang Pasu, Sik dan Baling iaitu daerah yang bersempadan secara fizikal dengan Thai. Begitu juga dengan Satun, Thai. Asalnya Satun adalah wilayah Kedah tetapi dengan adanya perjanjian antara kedua-dua wilayah ini, Satun dimasukkan di bawah Thai. Kesan kemasukan masyarakat Thai sangat jelas dengan adanya artefak seperti seni bina, pakaian dan gastronomi. Ciri persempadanan antara kedua negara begitu rapat sehingga menyebarkan dialek Melayu Satun ke Langkawi.

### Perlis

Perlis memang berjiran dengan Thai. Kedua-duanya boleh ditembusi dengan jalan darat dan jalan laut. Maka tidak hairanlah jika kuatnya pengaruh dialek Melayu Satun wujud di Perlis. Temubual di bawah membuktikan bahawa kedudukan masyarakat Thai di Jejawi adalah berasas dan malah mereka mempunyai komuniti yang tersusun.

“Saya merupakan masyarakat Siam yang dilahirkan di Kampung Jejawi Sematang, Kangar, Perlis. Kawasan ini dipenuhi dengan sejumlah populasi Siam. Kebanyakan orang Siam di sini bekerja sebagai pesawah selain melakukan kerja-kerja kampung yang lain untuk menyara kehidupan

harian mereka,” jelasnya memulakan bicara. Menyingkap kembali kisah hidupnya, Umay berkata, ketika di alam persekolahan, ibunya sering menghantarnya ke kelas bahasa Siam yang diajar oleh Sami Buddha tempatan atau didatangkan khas dari Thailand sebaik tamat sesi persekolahan. Biarpun menetap di Malaysia, namun masyarakat di sana masih mengamalkan dan memegang utuh budaya serta tradisi masyarakat Siam. Selain mampu berkomunikasi menggunakan bahasa Siam dengan fasih, kami juga masih mengenakan pakaian tradisional selain makanan turun-temurun. Biasanya, pakaian tradisional akan dipakai untuk menghadiri majlis perkahwinan ataupun festival - Umay Ilead” [dipetik 31 Julai 2019 [www.kosmo.com.my](http://www.kosmo.com.my)]

### **Pulau Pinang**

Mengikut sejarah, masyarakat Thai mula datang ke utara Tanah Melayu sejak kurun ke-18 kerana peperangan yang berlaku antara kerajaan Kedah dan Thai pada ketika itu. Ramai dalam kalangan tentera Thai yang ditinggalkan di sini. Dalam rekod pengasas penempatan British di Pulau Pinang, Francis Light mencatatkan tentang kehadiran kira-kira 100 orang Thai dan Burma yang berdagang di Pulau Pinang. Sejak itu, mereka bekerja sebagai petani dan tinggal di sini sehingga selepas merdeka (Mala Rajoo dan Rosenun 2018).

Masyarakat Melayu akan menggunakan [ɑjɑŋ] sementara penutur Thai menggunakan [ɑʝjɑŋ]. Bagi mengukuhkan dakwaan ini, data ‘ular’ digunakan bagi menguji hujah. Masyarakat Melayu Thai di Satun menggunakan sebutan [ulɑŋ] untuk ‘ular’. Bunyi ini sama hadir dengan di tempat mereka yang menggunakan [ɑʝjɑŋ]. Maka jelaslah bahawa [ɑʝjɑŋ] dan [ulɑŋ] adalah kosa kata yang digunakan oleh masyarakat Satun di Pulau Pinang.


### **Perak**

Sejarah migrasi masyarakat Thai di Kedah dan Perak adalah serupa. Kesan dari kekalahan kerajaan Patani, masyarakat Patani mula melarikan diri ke Semenanjung Tanah Melayu melalui jalan darat. Daerah Batu Kurau di utara Perak terkenal dengan penduduk yang terdiri daripada masyarakat Melayu Patani yang berhijrah kerana melarikan diri daripada peperangan yang berlaku di Patani. Kesan peperangan ini telah membuka ruang kepada bertapaknya pengaruh Patani di Perak. Selain Batu Kurau, satu kawasan kajian yang mempunyai kesan dengan kehadiran dialek Patani adalah Lenggong di Hulu Perak.


Kita lihat data ‘air’ di Perak khususnya di kawasan utara. ‘Air’ mempunyai empat (4) varian, iaitu varian [ae], [ɑjɑŋ], [ɑjɔ] dan [ɛ]. [ɛ] yang merupakan varian dialek Melayu Patani hanya digunakan di mukim Batu Kurau. Kawasan sekitar Batu Kurau yang dikelilingi bukit dan tanah tinggi membolehkan orang-orang Patani berlindung dan menjalankan kehidupan dengan lebih baik walaupun pernah bertelingkah dengan penduduk Melayu Perak tetapi kemudiannya mereka berdamai. [ɛ] juga ditemui di Lenggong. Kawasan ini juga mempunyai topografi yang berbukit bukau. Sebutan ini berbeza dengan dialek Melayu Perak. Orang Perak menggunakan [ɑjɔ]. Mereka di Selama, Perak pula menggunakan dialek Kedah, iaitu [ɑjɑŋ]. Jadi lingkungan penggunaan dialek Melayu Thai lebih kepada dialek Patani dan berada di kawasan utara khususnya yang bersempadan dengan negeri Thai sendiri. Selain dari bersempadan dengan Thai, kawasan ini juga berjiran dengan Baling dan Sik. Kedua-dua daerah ini juga menggunakan dialek Melayu Patani, iaitu [ɛ].

Peta 2 di bawah merujuk kepada kawasan yang didominasi oleh dialek Melayu Thai. Keempat negeri iaitu Perlis, Pulau Pinang, Kedah dan Perak bersempadan secara fizikal dengan Thailand. Faktor muka bumi yang berbukit tidak menghalang masyarakat Thai melarikan diri dan membuat pertempatan di bumi Malaysia. Kesan kezaliman tentera Thai terhadap orang muslim Thai menjadi factor pendorong penghijrahan masyarakat ini ke utara Perak dan negeri-negeri yang bersempadan. Kemasukan mereka telah membawa kepada warna warni dialek Melayu. Faktor bukan linguistik yang melalui perspektif geolinguistik telah membawa kepada

pembugaran kajian dialek di Malaysia. Peta 3 di bawah adalah gambaran keseluruhan pengaruh dialek Melayu Thai di Semenanjung Malaysia



Peta 2. Taburan dialek Melayu Thai di Semenanjung Malaysia.



Peta 3. Gambaran keseluruhan pengaruh dialek Melayu Thai di Semenanjung Malaysia.



## Sosiobudaya Thai di Langkawi

Rosfazila (2018) mendefinisikan konsep sosiobudaya sebagai amalan yang berupa gaya hidup dan peradaban bagi sesuatu masyarakat yang lahir dari pegangan dan kecenderungan diri masyarakat berkenaan dalam berbagai bidang hidup, untuk memberi kepuasan dan merangsang pembangunan hidup masyarakat itu. Maka, sosiobudaya dapat diertikan sebagai hubungan masyarakat yang mempunyai perbezaan budaya dalam wilayah yang sama dan hidup bersama melalui aspek cara hidup, adat istiadat dan sebagainya.

Faktor bukan linguistik seperti perkahwinan, ikatan kekeluargaan, ekonomi, sejarah telah dapat menjelaskan bagaimana kehadiran masyarakat Thai ini telah mewarnai lanskap budaya di Langkawi. Salah satu ciri adalah berdasarkan penampilan mereka. Misalnya bagi pemakaian wanita Satun, mereka memakai tudung yang berkilat dan disaluti dengan manik yang berwarna-warni. Ini merupakan salah satu ciri atau identiti masyarakat Melayu Satun. Rumah mereka mesti mempunyai tiang dan sangkar burung. Hal ini banyak terlihat di Ulu Melaka dan Padang Lalang, Langkawi. Mereka juga gemar berniaga di pasar malam dan membuka restoran masakan Thai. Gerai mereka mempunyai reka bentuk yang jelas bercirikan Thai. Selain itu mereka juga ramai yang menjadi nelayan terutama di Pualu Tuba. Maklumat ini telah berjaya dicungkil kesan dari penyeldikan geolinguistik.





**Gambar 1.** Kehidupan masyarakat Thai di Langkawi.

## Perantauan dan Lanskap Bahasa di Johor

Dalam kajian geolinguistik juga, selain daripada penemuan penyebaran dialek termasuk dialek Melayu Thai, kita juga boleh menemui satu lagi fenomena menarik iaitu kesan penyebaran bahasa lain di tanah Melayu. Bahasa yang dimaksudkan adalah Bahasa Jawa, Bugis, Banjar, dan Minang. Kajian geolinguistik sekali lagi menyumbang kepada maklumat yang baharu ini. Jika selama ini, ramai menyedari tentang wujudnya bahasa ini terutama di Johor dan Selangor tetapi belum ada catatan peta dihasilkan. Dengan adanya perspektif baharu dalam kajian dialek, maka muncul peta yang boleh dipertanggungjawabkan kesahihannya.

Penghijrahan masyarakat Jawa ke Alam Melayu misalnya amat berkonotasi kuat khususnya menerusi perantauan ke negeri Johor. Hal ini boleh diperlihatkan menerusi sosio-budaya yang telah diamalkan di negeri Johor seperti tarian kuda kepang, masakan yang berasal dari kepulauan Jawa dan lain-lain sejak sekian lama. Proses perantauan ini juga boleh dibuktikan dengan penemuan beberapa leksikal yang bercirikan bahasa Jawa di negeri Johor (Nor Hashimah et. al 2019).

Menerusi dapatan di Peta 4 di bawah memperlihatkan bahawa warna  telah mendominasi hampir separuh di kawasan Johor barat.



**Peta 4.** Penyebaran Bahasa Asing di Johor

Berikut merupakan beberapa penemuan leksikal yang bercirikan bahasa Jawa ditemui di kawasan kajian.

**Jadual 1** Data bahasa Jawa di Negeri Johor

Daftar Kata	Transkripsi Bahasa Melayu Standard	Transkripsi Bahasa Jawa
kacau	/katʃaw/	[udəʔ]
ikan	/ikan/	[iwaʔ]
kelapa	/kəlapə/	[kəlapɔ]
cubit	/tʃubit/	[dʒiwet] atau [tʃiwet]
malas	/malas/	[maləs]
isteri	/istəri/	[wedoʔ]
suami	/swami/	[bɔdʒɔ]
lembu	/ləmbu/	[sapɪ]
air	/æ/	[baɾu]
masam	/masam/	[masəm]

Berdasarkan penemuan leksikal di atas secara tidak langsung mampu mempamerkan sebaran bahasa Jawa secara terperinci di negeri Johor. Menurut Abdul Latif Zen (2016) penggunaan fonem /ə/ *schwa* merupakan suatu bentuk vokal neutral dalam bahasa Jawa dan fonem ini sering muncul dalam menyerdakan struktur suku kata bahasa Jawa. Hal ini boleh diperlihatkan menerusi beberapa sebaran kata daripada Kepulauan Jawa dan mempunyai pengaruh fonem /ə/ *schwa* seperti [udəʔ], [maləs] dan [masəm]. Selain daripada perubahan segmen pada perkataan,

terdapat beberapa leksikal yang berasal daripada kepulauan Jawa telah ditemui seperti [sapi] - lembu, [baju] - air, [dziwet] - cubit dan [iwa?] - ikan. Selain Bahasa Jawa, artikel tulisan Nor Hashimah et. al 2019 tentang lanskap di Johor turut memaparkan Bahasa Banjar dan Bugis.


### CADANGAN MASA MUKA

Penyelidikan mesti sentiasa dijalankan agar data yang baharu akan menokok pada data yang lama. Natiuhnya pasti berlaku penguasaan pada bahasa, sastera dan budaya di Nusantara. Penyelidikan bukan sahaja membawa kepada analisis baharu tetapi juga dapatan baharu yang lebih mencabar. Salah satu aspek yang mencabar adalah kajian merentas Nusantara.

Daripada pemerhatian saya, ada satu lagi aspek yang sangat menarik untuk diteroka. Aspek itu adalah kajian rentasan budaya Nusantara. Lihat gambar di bawah:



Gambar 2. Persamaan Kelantan dan Yogyakarta.



Gambar 3. Persamaan Budaya Kelantan dan Yogyakarta.

Adakah persamaan ini secara kebetulan. Tidak. Ada cerita di sebalik persamaan antara ukiran Jawa dan ukiran Kelantan. Kampung Laut ni terletak di Tumpat, Kelantan, ia bersempadan dengan Kampung Kok Keli, Kampung Sungai Pinang dan Kampung Palekbang. Kalau mengikut cerita, terdapat anak-anak raja dari Jawa belayar di laut berhampiran dengan Kelantan dan kapal mereka telah bocor. Selepas itu, dikatakan bahawa anak-anak raja tersebut berjanji sekiranya mereka selamat sampai ke pantai, mereka akan mendirikan sebuah masjid.

Ditakdirkan, mereka selamat sampai ke sebuah perkampungan kecil. Mereka bersyukur kerana telah selamat dan dapat memperbaiki kapal mereka sekaligus membina masjid di situ seperti mana yang dijanjikan. Meskipun hanya cerita, tapi apabila dilihat kepada struktur reka bentuk masjid itu bersama-sama dengan corak ukirannya tersendiri, ia amat hampir dengan reka bentuk Masjid Demak yang berada di Demak, Jawa Tengah, Indonesia dan juga Masjid Tengker, Melaka. Bumbung masjid yang berbentuk tiga tingkut atau bentuk meru itu tak banyak beza dengan bumbung sebuah rumah adat orang Jawa di Pulau Jawa, di mana reka bentuk itu dinamakan sebagai 'Rumah Tajug'. Reka bentuk yang sama itu menguatkan lagi tentang bukti hubungan baik antara kerajaan-kerajaan Melayu kuno dengan Jawa [<https://soscili.my/kelantan-dan-tanah-jawa-pernah-berkongsi-budaya-ini-apa-korang-kena-tahu>]. Sebenarnya banyak pendapat mengenai hubungan Jawa dan Kelantan. Ia dikaitkan dengan empayar Majapahit dan empayar Cherman yang berpusat di Kelantan. [<http://susorgalor.blogspot.com/2012/08/majapahit-titik-jawa-dan-kelantan-darul.html>]

Bagi mengukuhkan banyak ketidakpastian hubungan ini di masa lalu, maka satu penyelidikan baharu merentas Nusantara mesti dilakukan. Memandangkan banyaknya persamaan di natara kedua-dua leluhur ini, maka sudah pasti penyelidikan dengan nafas baharu akan dapat menghasilkan dapatan yang mengujakan.

## KESIMPULAN

Penyelidikan tidak harus diketepikan khususnya ilmu yang berkaitan dengan bahasa, sastera dan budaya. Meskipun bidang ini bersifat abstrak, namun hasil penyelidikan boleh memberikan dapatan kajian yang konkrit. Banyak impak positif daripada penyelidikan ini. Pertama, dapat menemukan sesuatu yang baharu menggantikan dapatan kajian yang lama. Buktinya kajian tentang akal budi peribahasa Melayu. Kajian membuktikan bahawa darah daging di antara masyarakat Nusantara tetap ada meskipun dipisahkan oleh konsep kewilayahan angkara penjajah. Kedua penyelidikan dimensi baharu seperti geolinguistik dapat memberi jawapan kenapa dan bagaimana sesuatu dialek atau bahasa itu meluas dari tanah asal ke tanah baharu yang akhirnya boleh berasimiliasi dengan masyarakat dan bahasa tempatan. Ini adalah satu sudut pandang yang positif. Penyelidikan nafas baharu boleh memberi impak positif pada dunia ilmu amnya dan dunia Nusantara khususnya.

## RUJUKAN

- Ahmad Murad Merican (2023). Tanah Air dan Merantau: Naratif Memori Kepulauan Melayu sebagai satu Kategori Konsep Ilmu Sosial dlm Asyaari Muhamad & Mohd Nasrulamiazam Mohd Nasir (pynt), *Tamadun Melayu: Sejarah, Warisan dan Jati Diri*. Penerbit Bangi: UKM.
- Archambault, C (1957). A Preliminary Inverstigation of the Sam Sam of Kedah and Perlis. *Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society* (1), 75-92.
- Asmah Hj. Omar (1993). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bhaasa dan Pustaka.
- Hadijah Hassan (1998). *Perambahan Brunei*. Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Kamaruddin Esayah. (1999). Perbandingan fonologi dialek Melayu Satun dengan dialek Melayu Perlis. *Tesis Sarjana*, Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.

- Mala Rajoo Sathian dan Rosenun Chesof. (2018). *Siamese in Malaysia: beyond 60 years of heritage*. Social Sciences and Humanities Foundation, Bangkok. Thailand.
- Menyelami kehidupan orang Siam <http://www.kosmo.com.my/k2/rencana-utama/menyelami-kehidupan-orang-siam> [dipetik 31 Julai 2019].
- Nor Hashimah Jalaluddin (2015). Pelestarian dan Perekayasaan Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* Vol. 19(1), 1-13.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Fizah Abdul Halim, Harishon Radzi & Junaini Kasdan. (2017). Penyebaran dialek Melayu di Langkawi. Analisis geolinguistik. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(4), 159-178.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Adriana Santa a/p Tingom, Siti Noraini Hamzah & Hayati Lateh. (2019). Penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan Thai: analisis GIS. 2019. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 19(1): 77-96.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Mohamed Fazal Mohamed Sultan, Harishon Radzi & Khairul Ashraaf Saari. (2019). Penyebaran Pengaruh Dialek Melayu Thai Di Malaysia: Analisis GIS, *Journal of Nusantara Studies* vol 4 (2), 362-389.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Siti Noraini Hamzah & Hrishon Radzi (2020). *Dialektologi dan GIS*. Bangi: Penerbit UKM.
- Nor Hashimah Jalaluddin (2023). Elemen Bahasa, Budaya dan Persekitaran dalam Ekolinguistik. *RENTAS* Vol. 2 [<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jbsb/forthcoming>].
- Nur Syazwani Salam & Sharifah Raihan Syed Jaafar (2019). Perilaku Fonologi Konsonan Di Akhir Kata Dialek Sik Kedah. *Journal of Nusantara Studies*, Vol 4(1) 316-343.
- Rosfazila Abd. Rahman & Hasliza Talib. (2018). *Kesepaduan Sosiobudaya dalam kepelbagaian masyarakat majmuk*. Selangor: Penerbit Kolej Universiti Islam Antarabangsa.
- Ruslan Uthai. (2011). *Keistimewaan dialek Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsul Amri Bharuddin (2023). Ilmu Dan Pembentukan Identiti: Dari 'Pengajian Melayu' Ke 'Pengajian Alam Melayu'dlm Asyaari Muhammad & Mohd Nasrulamiyazam Mohd Nasir (pynt), *Tamadun Melayu: Sejarah, Warisan dn Jati Diri*. Penerbit Bangi: UKM.
- Syed Jaafar, S. R. (2017). Pembentukan struktur suku kata dialek Melayu Kuala Pilah. *Jurnal Bahasa* Jilid, 17(1), 61-83.
- Worawit Baru. (1999). Dasar kerajaan dan kesannya terhadap bahasa Melayu di negara Thai. *Tesis Sarjana Falsafah*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Zaharani Ahmad (2007). *Pembentukan Kata Ganda Separa Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad (2013). *Daripada Derivasi Rumus kepada Tatatingkat Kekangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### Sumber internet

- Kamal Nizam. (2021)[<https://soscili.my/kelantan-dan-tanah-jawa-pernah-berkongsi-budaya-ini-apa-korang-kena-tahu>] dicapai 28 Julai 2023.
- [<http://susorgalor.blogspot.com/2012/08/majapahit-titik-jawa-dan-kelantan-darul.html>] dicapai pada 28 Julai 2023.